

FREE FOR EVERYONE

SPM SEMINAR 2019

#spmseminar 2019 #SPM2019 #BACFlix

PART 1

PRINSIP PERAKAUNAN

VIDEO PEMBELAJARAN LENGKAP DI

Tingkatan 4

Tingkatan 5



official_spmflix



spmflix



SPMflix

TOPIK

- 1) Andaian, prinsip dan konsep Perakaunan
- 2) Kitaran perakaunan
- 3) Klasifikasi-klasifikasi akaun
- 4) Persamaan perakaunan
- 5) Sistem Catatan Bergu
- 6) Imbangan Duga
- 7) Penyata Kewangan
- 8) Pelarasan
- 9) Syarikat Berhad
- 10) Akaun Pengeluaran
- 11) Titik Pulang Modal
- 12) Belanjawan Tunai
- 13) Rekod Tak Lengkap

OBJEKTIF

- 1) Nota ringkas dan padat untuk tujuan revisi yang merangkumi silibus tingkatan 4 & 5.
- 2) Format dan langkah-langkah penting untuk memudahkan proses pembelajaran.

1) ANDAIAN, PRINSIP DAN BATASAN

(i) Tempoh perakaunan

- Setiap perniagaan harus mempunyai tempoh perakaunan yang tersendiri untuk memudahkan laporan kewangan dibuat.
- Terdiri daripada 3 bulan, 6 bulan dan setahun

(ii) Wang sebagai ukuran

- Semua urusniaga yang berlaku di Malaysia menggunakan mata wang Ringgit Malaysia (RM)

(iii) Usaha berterusan

- Sesuatu perniagaan yang ditubuhkan adalah untuk satu jangka hayat yang berterusan

(iv) Entiti berasingan

- Pemilik perniagaan dan perniagaan adalah dua entiti yang berlainan maka segala urusniaga antara pemilik perniagaan dan perniagaan harus direkodkan ke dalam buku perakaunan.

(v) Ketekalan

- Bermaksud konsisten, iaitu jika perniagaan memilih sesuatu kaedah contohnya susut nilai aset bukan semasa, jika kita memilih untuk menyusut nilai aset kita dengan kaedah atas kos, maka kita tidak boleh menukar kepada kaedah yang lain, kita harus menggunakan kaedah atas kos sehingga akhir.

(vi) Prinsip kos

- Kos asal aset akan tetap sama walau pun harga pasaran aset tersebut meningkat atau menurun.


(vii) Pengiktirafan hasil dan belanja

- Semua hasil dan belanja bagi tahun kewangan semasa harus diambil kira ketika penyediaan penyata kewangan, jika terdapat belanja prabayar atau belum bayar dan hasil belum terima atau hasil belum terperoleh, kita hanya perlu mengambil semua belanja dan hasil bagi tempoh perakaunan semasa sahaja.


(viii) Kos manfaat



- Kita perlu mengambil kira projek yang dapat meminimumkan kos dan memaksimumkan keuntungan dalam mana-mana projek yang diberikan.


2) Kitaran Perakaunan



3) KLASIFIKASI -KLASIFIKASI AKAUN



SENARAI ASET**SENARAI LIABILITI**

SENARAI BELANJA & HASIL**Akaun Induk & Akaun Kontra**

Akaun Induk/Akaun berkaitan	Akaun kontra
Jualan	Pulangan jualan/Pulangan masuk
Belian	Pulangan belian/Pulangan keluar
Modal	Ambilan
Aset Bukan Semasa	Susut Nilai Terkumpul
Akaun Belum Terima	Peruntukan hutang rugu

Akaun Kontra mengurangkan nilai akaun induk / akaun berkaitan

4) Persamaan Perakaunan

$$\mathbf{A = L + EP}$$

A = Aset

L = Liabiliti

EP = Ekuiti Pemilik

Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik

Aset = Liabiliti + [Modal + { Untung Bersih} – Ambilan]

Aset = Liabiliti + [Modal + { Hasil – Belanja} – Ambilan]

5) Sistem Catatan Bergu

Klasifikasi	Debit	Kredit
Aset (dt)	Meningkat	Menurun
Belanja (dt)	Meningkat	Menurun
Liabiliti (kt)	Menurun	Meningkat
Hasil (kt)	Menurun	Meningkat
Ekuiti pemilik(kt)	Menurun	Meningkat

Senario	Debit	Kredit
Jualan kredit- Menjual secara kredit kepada ABC	Akaun belum terima-ABC	Jualan
Belian kredit – Membeli secara kredit daripada XYZ	Belian	Akaun belum bayar – XYZ
Jualan tunai	Tunai	Jualan
Belian tunai	Belian	Tunai
Modal tambahan – membawa masuk perabot ke dalam perniagaan	Perabot	Modal
Membayar segala belanja secara tunai atau cek	Belanja	Tunai/Cek
Menerima segala hasil secara tunai atau cek	Tunai/Cek	Hasil
Mengambil tunai/cek untuk kegunaan sendiri	Ambilan	Tunai/Cek
Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga	Ambilan	Belian
Membayar hutang XYZ dengan tunai atau cek	Akaun belum bayar-XYZ	Tunai / Cek
Menerima hutang daripada ABC secara tunai atau cek	Tunai	Akaun belum terima ABC
Memulangkan barang kepada XYZ	Akaun belum bayar-XYZ	Pulangan belian/keluar
Barang-barang dipulangkan oleh ABC	Pulangan masuk/jualan	Akaun belum terima ABC
Pindah tunai dari bank ke pejabat (KONTRA)	Tunai	Bank
Pindah wang dari pejabat ke bank (KONTRA)	Bank	Tunai
Mengambil barang untuk tujuan promosi	Promosi	Belian

6) IMBANGAN DUGA

- Fungsinya :-
- 1) Menyemak ketepatan catatan urus niaga
 - 2) Menyemak ketepatan pengiraan
 - 3) Menyemak ketepatan proses pengeposan
 - 4) Memudahkan penyediaan Penyata Kewangan

Imbangan Duga pada 31/12/2018

BUTIRAN	DEBIT	KREDIT
Belian	X	
Jualan		X
Pulangan masuk/jualan	X	
Pulangan keluar/belian		X
Sewa diterima		X
Modal		X
Pinjaman		X
Simpanan tetap / deposit tetap	X	
Tunai	X	
Gaji	X	
Inventori 1/1/2010	X	
Angkutan masuk	X	
Diskaun diterima		X
Bank	X	
Premis	X	
Kadar bayaran	X	
Ambilan	X	
Akaun belum terima	X	
Akaun belum bayar		X
Insurans	X	
Faedah atas pinjaman	X	
Alat tulis	X	
Faedah simpanan tetap		X
Hutang lapuk	X	
Peruntukan hutang ragu(wujud & tambah)	X	
Peruntukan hutang ragu(tolak)		X
Angkutan keluar	X	
Lengkapan	X	
Kenderaan	X	
Susut nilai terkumpul lengkapan		X
Susut nilai terkumpul kenderaan		X
Hutang lapuk terpulih		X
Diskaun Diberi	X	
Sewa dibayar	X	
	XXXX	XXXX

7) PENYATA KEWANGAN

-terdiri daripada Penyata Pendapatan & Penyata Kedudukan Kewangan

Perniagaan Ying Ying

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31/12/2010

	RM	RM	RM	RM
Jualan			X	
Tolak: Pulangan jualan			X	
Jualan bersih			X	
Tolak: <u>Kos jualan</u>				X
Inventori awal		X		
Belian		X		
Tolak: Pulangan belian	X	X		
Belian bersih		X		
Tambah: Angkutan masuk	X			
Upah atas belian	X			
Duti atas import	X			
Insurans atas belian	X	X		
Kos belian			X	
Kos barang untuk dijual			X	
Inventori akhir			X	
Kos Jualan			X	
Untung kasar/ Rugi kasar			X	
Tambah: <u>Hasil</u>				XXXX
Komisen diterima		X		
Sewa diterima		X		
Diskaun diterima		X		
Peruntukan hutang ragu (pengurangan)		X		
Tolak: <u>Belanja</u>		X		XXXX
Gaji		X		
Sewa dibayar		X		
Insurans		X		
Diskaun diberi		X		
Komisen diberi		X		
Hutang lapuk		X		
Angkutan keluar		X		
Rugi atas pelupusan		X		
Peruntukan hutang ragu (tambah/wujud)		X		
Belanja susut nilai		X		
Untung bersih/Rugi bersih		X		XX
				XXXX

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

	RM	RM	RM	RM

ASET BUKAN SEMASA				X
Premis			X	
Lengkapan			X	X
(-) susut nilai terkumpul lengkapan				
Kenderaan			X	
(-) susut nilai terkumpul			X	X
Perabot				X
				XX
ASET SEMASA			X	
Inventori akhir	X			
Akaun belum terima	X			
(-) Peruntukan hutang ragu		X		
Bank		X		
Tunai		X		
Deposit tetap/Simpanan Tetap		X		
Deposit Sewa/kadar bayaran		X		
Semua belanja prabayar		X		
Semua hasil belum terima		X		
				XX
TOLAK: LIABILITI SEMASA			X	
Akaun belum bayar	X			
Overdraft bank	X			
Semua belanja belum bayar	X			
Semua hasil belum terperoleh	X			
MODAL KERJA			X	
			X	
			X	
			X	
				XX
DIBIAYAI OLEH:			X	
EKUITI PEMILIK			X	
Modal			XX	
(+)/(-) Untung bersih/ rugi bersih			X	
(-) Ambilan				XXXX
Modal akhir				
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Pinjaman				XXXX
				XXXXX

**NOTA UNTUK PENYATA PENDAPATAN DAN PENYATA KEDUDUKAN
KEWANGAN**

1. Kos Jualan = [Inventori awal +(belian – pulangan belian + angkutan masuk+duti atas import+ insurans atas belian+ upah atas belian)] – Inventori akhir
2. Untung kasar = Jualan bersih – Kos Jualan
Jualan bersih > Kos jualan = UNTUNG KASAR
Jualan bersih < Kos jualan = RUGI KASAR
3. UNTUNG BERSIH = Untung kasar + semua HASIL – semua BELANJA
HASIL > BELANJA = UNTUNG BERSIH
HASIL < BELANJA = RUGI BERSIH
4. MODAL KERJA = ASET SEMASA – LIABILITI SEMASA
5. MODAL AKHIR = Modal Awal + untung bersih – ambilan
= Modal Awal – rugi bersih – ambilan
6. KOS BELIAN = Inventori awal +(belian – pulangan belian + angkutan masuk+duti atas import+ insurans atas belian+ upah atas belian)
7. KOS BARANG UNTUK DIJUAL = Inventori awal + Kos belian
8. Kos Jualan = Kos barang untuk dijual – inventori akhir

8) PELARASAN

Pelajar harus menitikberatkan topik- topik pelarasan bagi tahun ini Fokus kepada pelarasan-pelarasan berikut berserta dengan pengeposan ke lejar.

- 1) Belanja Prabayar & Belum Bayar
- 2) Hasil Belum Terima & Belum Terperoleh
- 3) Hutang Lapuk
- 4) Hutang Lapuk Terpulih
- 5) Peruntukan Hutang Ragu – wujud, tambah, kurang
- 6) Susut nilai terkumpul aset bukan semasa


Catatan Jurnal untuk pelarasan

Scenario	Debit	Kredit
Belanja Prabayar	Belanja Prabayar (AS)	Belanja (PP)
Belanja Belum Bayar	Belanja (PP)	Belanja Belum Bayar(LS)
Hasil Belum Terperoleh	Hasil (PP)	Hasil Belum Terperoleh(LS)
Hasil Belum Terima	Hasil Belum Terima (AS)	Hasil (PP)
Hutang Lapuk	Hutang Lapuk (PP)	Akaun Belum Terima (AS)
Hutang Lapuk Terpulih	Bank/ Tunai (AS)	Hutang Lapuk Terpulih (PP)
Peruntukan Hutang Ragu - Wujud - Tambah - Kurang	Hutang Ragu(PP) Penambahan PHR (PP) PHR (PKK)	PHR (PKK) PHR (PKK) Pengurangan PHR (PP)
Susut Nilai Terkumpul Aset Bukan Semasa	Belanja susut nilai (PP)	Susut Nilai Terkumpul (PKK)

ASET	Belanja prabayar	Hasil belum terima
LIABILITI	Belanja belum bayar	Hasil belum terperoleh

ASET	BP	HBTM
LIABILITI	BBB	HBTP

9) Syarikat Berhad



** CARA MEREKOD TERBITAN SAHAM

- 1) Apabila saham diterbitkan
Dt Akaun Permohonan Saham Biasa/Keutamaan
Kt Akaun Modal Saham Biasa/Keutamaan
- 2) Apabila wang diterima dan dibankkan
Dt Akaun Bank
Kt Akaun Permohonan Saham Biasa/Keutamaan
- 3) Apabila wang lebihan dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya.
Dt Akaun Permohonan Saham Biasa/Keutamaan
Kt Akaun Bank

10) AKAUN PENGELUARAN

Kos Bahan Langsung

= Inventori awal bahan langsung + Belanja Belian Bahan Langsung - Inventori Ahir Bahan Langsung

Kos Prima

Kos bahan langsung + Kos buruh langsung + belanja langsung

Kos Pengeluaran

Kos bahan langsung + kos buruh langsung + kos overhed + Kerja dalam proses awal – Kerja dalam proses akhir

Bentuk T :

Nama Perniagaan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir			
	RM	RM	RM
KOS BAHAN MENTAH			KOS PENGETAHUAN
Stok awal		XX	XXXX
Belian		XX	
tolak Pulangan Belian		XX	
		XX	
Angkutan Masuk		XX	
Duti atas bahan mentah	XX	XX	
		XX	
tolak Stok akhir		XX	
<i>Bahan mentah yang digunakan</i>		XXX	
KOS BURUH LANGSUNG			
Gaji pekerja kilang		XXX	
BELANJA LANGSUNG			
Paten		XXX	
KOS PRIMA		XXX	
KOS OVERHEAD			
Sewa kilang		XX	
Gaji pengurus kilang		XX	
Alat tulis kilang		XX	
Belanja pembaikan		XX	
Susut nilai loji dan mesin	XX	XX	
		XX	
tambah Kerja dalam proses awal		XX	
		XX	
tolak Kerja dalam proses akhir		XX	
		XXXX	XXXX

Nama Perniagaan		RM	RM
Penyata Pengeluaran bagi tahun berakhir			
KOS BAHAN MENTAH			
Stok awal			XX
Belian		XX	
tolak Pulangan Belian		XX	
		XX	
Angkutan Masuk		XX	
Duti atas bahan mentah		XX	
Kerja Dalam Proses Awal		XX	XX
Kos bahan untuk digunakan			XX
tolak Stok akhir		XX	
Kerja Dalam Proses Akhir		XX	XX
Kos Bahan Mentah			XXX
KOS BURUH LANGSUNG			
Upah Buruh Langsung		XX	
Kerja Dalam Proses Awal		XX	
		XX	
tolak Kerja Dalam Proses Akhir		XX	
Kos Buruh Langsung			XXX
BELANJA LANGSUNG			
Paten			XXX
KOS PRIMA			XXX
KOS OVERHEAD			
Sewa kilang		XX	
Gaji pengurus kilang		XX	
Alat tulis kilang		XX	
Belanja pembaikan		XX	
Susut nilai loji dan mesin		XX	
Kerja Dalam Proses Awal		XX	
		XX	
tolak Kerja dalam proses akhir		XX	
Kos Overhead			XXX
KOS PENGETAHUAN			XXXX

(Dipetik drpd: E-nota Prinsip Perakaunan 2010 online – Cikgu Sila)

11) TITIK PULANG MODAL

- Satu tahap kuantiti pengeluaran apabila jumlah hasil sama dengan jumlah kos
- Volum pengeluaran yang tidak memberi sebarang untung atau rugi
- Untung adalah sifar
- Jumlah hasil hanya mampu menampung kos.

PENGIRAAN TITIK PULANG MODAL

- Terdapat 2 kaedah iaitu :-
- (1) Kaedah Margin Sumbangan
- (2) Kaedah Graf

(1) Kaedah Margin Sumbangan

$$\text{TPM} \quad = \quad \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}}$$

Harga Jualan Seunit - Kos Berubah Seunit

$$\text{TPM} \quad = \quad \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \times \text{Harga Jualan Seunit}$$

(2) Kaedah Graf

Untung / (Rugi) = Hasil Jualan – Jumlah Kos


Jumlah kos = Kos Tetap + Kos Berubah

Kos Berubah = Bilangan unit dijual x Kos Berubah Seunit

Hasil Jualan = Bilangan unit dijual x Harga Jualan Seunit

Jumlah Hasil Jualan – Jumlah Kos = 0

Jumlah Hasil Jualan = Jumlah Kos



12) BELANJAWAN TUNAI

Nama Perniagaan				
Penyata Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir				
	Januari	Februari	Mac	
	RM	RM	RM	
Baki awal / Baki b/b	0	12,000	17,500	
PENERIMAAN				
Modal				
Jualan	hasil jualan, penerimaan daripada pengutang pinjaman, dal, hasil yuran, caj perkhidmatan.	10,000 5,000	- 10,000	- 15,000
Jumlah Penerimaan	15,000	10,000	15,000	
PEMBAYARAN				
Belian				
Belanja	kadar bayaran, sewa, gaji, belian barang niaga, belian aset, pembiayaan, kos pengangkutan, belanja2 lain.	2,000 1,000	3,000 1,500	3,500 1,750
Jumlah Pembayaran	3,000	4,500	5,250	
Lebihan / Kurangan	12,000	5,500	9,750	
Baki akhir / Baki h/b	12,000	17,500	27,250	

2 bentuk soalan:-

1. Baru memulakan perniagaan ; baki awal kosong
2. Sudah menjalankan perniagaan ; ada baki awal

(Dipetik drpd: E-nota Prinsip Perakaunan 2010 online – Cikgu Sila)

13) REKOD TAK LENGKAP**1) Kaedah Perbandingan**

- Menggunakan pendekatan Penyata Kedudukan Kewangan

$$\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} - \text{Modal awal}$$

$$\text{Untung bersih} = \text{Modal akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal tambahan} - \text{Modal awal}$$

Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir

	RM
Modal akhir	XX
Tambah Ambilan	XX
	<hr/>
Tolak Modal Tambahan	XX
	<hr/>
Tolak Modal Awal	XX
	<hr/>
Untung Bersih	XXX
	<hr/>

PENYATA MENGIRA MODAL AWAL DAN MODAL AKHIR

Penyata Mengira Modal pada

	RM
Aset	XX
Tolak Liabiliti	XX
Modal pada	<u>XX</u>

* Modal Awal = Aset awal - Liabiliti awal (Rujuk drpd soalan baki-baki awal)

* Modal Akhir = Aset akhir - Liabiliti akhir
(Rujuk drpd soalan baki-baki akhir ; pelarasan diambilkira)

* Ambilan (diperolehi drpd maklumat tambahan)

* Modal Tambahan (diperolehi drpd maklumat tambahan)

* Kunci Kira-Kira (Rujuk drpd baki akhir dan ambilkira pelarasan di maklumat tambahan)

SOALAN – SOALAN**SOALAN 1**

Prima Ze Ming Berhad didaftarkan pada 1 Jun 2016 dengan modal yang berikut.

6 000 000 unit 7% syer keutamaan bernilai RM2.00 sesyer

5 000 000 unit syer biasa bernilai RM1.00 sesyer

Pada 5 Jun 2016, syarikat telah menerbitkan 4 000 000 unit 7% syer keutamaan dan 3 000 000 unit syer biasa pada nilai tara kepada orang ramai. Semua syer yang diterbitkan telah dipohon dan dibayar penuh semasa permohonan. Bayaran terbitan syer telah dibankkan pada 15 Jun 2016.

Anda dikehendaki:

(a) Menghitung modal diterbitkan dan modal berbayar penuh

(b) Menyediakan A/k Permohonan, A/k Modal dan A/k Bank untuk merekod terbitan syer

SOALAN 2

Pada Disember 2005, Yuxiang Berhad mempunyai modal berbayar sebanyak RM3 800 000, yang terdiri daripada 900 000 unit 5% saham keutamaan bernilai RM2.00 sesaham dan 2 000 000 unit saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Pada akhir tahun kewangan, syarikat telah mengisyiharkan untung yang akan diagihkan kepada pemegang saham adalah seperti yang berikut.

Tahun	Keuntungan Diagihkan RM
2000	100 000
2001	80 000
2002	140 000
2003	130 000

Anda dikehendaki menghitung dividen saham keutamaan dan saham biasa bagi tahun 2000 – 2003.

SOALAN 3

Cik Farah ialah pemilik Farah Trading di Alor Setar, Kedah. Pada 1 Oktober 2017, baki tunai perniagaannya ialah RM5 600.

Anggaran perbelanjaan bagi tiga bulan terakhir tahun 2017 adalah seperti berikut:

Butiran	Okttober RM	November RM	Disember RM
Belian	8 600	6 300	7 200
Kadar Bayaran	680	580	530
Susut Nilai Kenderaan	1 200	1 200	1 200

Maklumat tambahan:

- (i) Pada bulan September 2017, jumlah jualan ialah RM26 300 dan jumlah belian ialah RM13 200.
- (ii) Anggaran jualan:
 - Oktober : RM15 000
 - November dan Disember : Berkurang sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya
- (iii) Komisen diterima dianggarkan sebanyak 3% daripada jualan bulan sebelumnya.
- (iv) 60% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (v) Terdapat dua orang pekerja pada bulan Okttober dengan gaji bulanan sebanyak RM1 200 seorang. Pada bulan Disember seorang pekerjanya menerima kenaikan gaji sebanyak 20%.
- (vi) Sebuah mesin fotostat baharu akan dibeli pada bulan November dengan harga RM8 600. Pembayaran pendahuluan RM2 600 akan dibuat pada bulan November manakala bakinya akan dibayar secara ansuran selama tiga bulan bermula pada bulan Disember.
- (vii) Kadar bayaran bulan semasa akan dibayar pada bulan berikutnya. Kadar bayaran pada bulan September 2017 ialah RM650.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai Farah Trading bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2017 (tunjukkan lebihan atau kurangan).

SOALAN 4**Dondang Sayang****Penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2016**

Alatan pejabat	3 200	Modal	12 800
Inventori	3 000	Akaun belum bayar	3 600
Akaun belum terima	2 800		
Tunai	1 800		
Bank	5 600		
	<hr/> <u>16 400</u>		<hr/> <u>16 400</u>

Urusniaga yang berlaku dalam bulan Julai 2016 adalah seperti berikut :

- (i) Belian barang niaga secara kredit RM 900
- (ii) Menjual barang niaga kepada Cik Azian dengan harga RM620. Kos barang tersebut adalah RM500.
- (iii) Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2 200 ke dalam perniagaan.
- (iv) Pulangkan barang yang rosak bernilai RM100 kepada pembekal.
- (v) Bayar sewa kedai RM500 dengan cek.
- (vi) Cek bernilai RM320 yang diterima daripada akaun belum terima tidak dilayan oleh bank.
- (vii) Terima RM1 500 daripada akaun belum terima. RM1 000 daripada wang itu dibayar terus kepada akaun belum bayar dan bakinya dibankkan.

Sediakan jadual persamaan perakaunan

SOALAN 5

Chandra, Din dan Edwin adalah pekongsi dalam Perkongsian Maju yang beroperasi di Seremban. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perkongsian tersebut pada 30 Jun 2017 setelah Akaun Perdagangan disediakan.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Modal (1 Julai 2016):		
Chandra		50 000
Din		30 000
Edwin	35 000	20 000
Peralatan	82 000	
Kenderaan		
Susut Nilai Terkumpul (1 Julai 2016):		10 700
Peralatan		26 000
Kenderaan	30 000	
Inventori (30 Jun 2017)	48 300	40 320
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	20 000	
Simpanan Tetap Berkadar Faedah 6% setahun	3 440	
Bank		
Ambilan:		
Chandra		6 000
Din		2 000
Edwin	8 000	
Untung Kasar		154 250
Faedah Simpanan Tetap	63 500	750
Gaji dan Upah	29 500	
Belanja Pentadbiran	18 950	
Sewa dan Insurans	6 425	
Belanja Kenderaan		1 750
Peruntukan Hutang Ragu		
Akaun Semasa (1 Julai 2015):		16 550
Chandra		2 500
Din		5 295
Edwin	<u>355 615</u>	<u>355 615</u>

Maklumat tambahan:

- Simpanan tetap dibuat pada 1 Julai 2016.
- Gaji belum bayar ialah RM1 680.
- Insurans prabayar ialah RM420.
- Baki Akaun Belum Terima RM800 dihapus kira.
- Peruntukan hutang ragu dikekalkan pada kadar 3% daripada Akaun Belum Terima.
- Kadar susut nilai adalah seperti berikut:

Peralatan – 10% atas kos

Kenderaan – 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

- Ikatan Perjanjian Perkongsian menyatakan syarat-syarat yang berikut:

- Faedah atas Ambilan dikenakan sebanyak 10% setahun.
- Gaji tahunan pekongsi: Din RM5 000, Edwin RM6 800.
- Untung atau rugi dikongsi antara Chandra, Din dan Edwin mengikut nisbah 5:3:2 masing-masing

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017.

SOALAN 6

Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi Kelab Renang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017:

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran ahli	18 400	Alat Tulis	130
Yuran masuk	1 250	Belanja Jamuan Tahunan	5 240
Derma	8 000	Insurans	960
Kutipan jamuan tahunan	4 800	Air & elektril	1 210
		Perabot	2 800

Maklumat tambahan:

- (i) Baki pada 1 Januari 2017:

	RM
Tunai di bank	12 320
Perabot	10 800

- (ii) Semua perabot disusutnilaikan pada 10% setahun.
- (iii) Kelab mempunyai 250 orang ahli yang membayar yuran tahunan RM50 seorang.
- (iv) Derma hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal
- (v) Air dan elektrik belum bayar adalah sebanyak RM130

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira untung atau rugi jamuan tahunan
- (b) Menyediakan Akaun pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

SOALAN 7

Azli, Bala dan Chan ialah pekongsi dalam Perkongsian Bersatu Maju yang beroperasi di Parit Buntar, Perak. Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Perkongsian Bersatu Maju pada 30 September 2010:

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Oktober 2009:		
Azli		20 000
Bala		10 000
Chan		10 000
Akaun Semasa 1 Oktober 2009:		
Azli		500
Bala		300
Chan	150	
Ambilan:		
Bala : 31 Disember 2009		2 500
Chan : 30 Mac 2010		2 000
Gaji Azli	10 000	
Pinjaman daripada Azli (Pinjaman matang pada 30 September 2015)		10 000
Faedah atas pinjaman	600	
Untung kasar bagi tahun berakhir 30 September 2010		43 000
Stok alat tulis pada 1 Oktober 2009	130	
Belian alat tulis	300	
Penghutang	5 000	
Pembiutang		5 500
Bank		4 100
Tunai	1 120	
Sewa diterima		1 500
Kenderaan (Kos)	60 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		6 000
Kadar bayaran	2 000	
Insurans	7 008	
Gaji pekerja	5 000	
Stok barang niaga pada 30 September 2010	15 092	

Ikatan perkongsian perniagaan ini menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Azli, Bala dan Chan mengikut nisbah 2:1:1.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun.
- (iii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
- (iv) Gaji pekongsi Azli RM700 sebulan.
- (v) Pinjaman daripada pekongsi dibayar faedah 8% setahun.

Maklumat tambahan :

- (i) Stok alat tulis pada 30 September 2010 bernilai RM90.
- (ii) Pada 1 Februari 2010 Chan membawa masuk perabot bernilai RM3 000 ke dalam perniagaan.
- (iii) Sewa diterima setahun ialah RM1 200.
- (iv) Polisi susut nilai:
 - Kenderaan : 10% kaedah baki berkurangan.
 - Perabot : 15% kaedah ansuran tetap.
- (v) Kadar bayaran terakru RM319.
- (vi) Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh berakhir 31 Oktober 2010.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Penyata Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2010. [14 markah]
- (b) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan). [4 markah]
- (c) Kunci Kira-kira pada 30 September 2010. (Tunjukkan modal kerja) [7 markah]

SOALAN UJI DIRI

- 1) Nyatakan klasifikasi-klasifikasi akaun-akaun berikut. (20markah)
 - (a) Premis
 - (b) Susut nilai terkumpul
 - (c) Mesin & Jentera
 - (d) Promosi
 - (e) Faedah atas simpanan tetap belum terima
 - (f) Faedah atas overdraf
 - (g) Insurans prabayar
 - (h) Alat tulis
 - (i) Inventori akhir
 - (j) Akaun belum bayar
 - (k) Ambilan
 - (l) Pulangan keluar
 - (m) Jualan
 - (n) Untung atas pelupusan aset bukan semasa
 - (o) Pulangan masuk
 - (p) Inventori alat tulis
 - (q) Hutang lapuk terpulih
 - (r) Pengurangan peruntukan hutang ragu
 - (s) Hutang lapuk
 - (t) Upah atas belian

- 2) Berdasarkan maklumat yang diberikan kirakan modal awal dan modal akhir perniagaan (18 markah)

	1/1/12	31/12/12
	RM	RM
Bank	34 900	43 500
Akaun belum terima	7 800	5 600
Tunai	4 900	3 800
Inventori akhir	12 100	11 000
Sewa belum terima	-	900
Akaun belum bayar	14 800	15 900
Promosi belum bayar	780	-
Komisen belum terperoleh	9 800	7 880
Pinjaman	18 900	16 000

- 3) Nyatakan 3 kaedah susut nilai yang anda telah pelajari (3 markah)

Sila lengkapkan borang penilaian bagi Seminar SPM yang telah anda hadiri. Penilaian anda dapat membantu kami memahami tahap keberkesanannya program ini dan seterusnya membolehkan kami meningkatkan kualiti perkhidmatan kami di masa hadapan.

Terima kasih!

Please fill up this form for the session that you are attending. Your evaluation will help us improve our service and help us understand the effectiveness of this program.

Thank you!

1. Nombor Telefon

Phone Number

2. Apakah subjek bagi seminar yang sedang anda sertai sekarang?

What is the seminar's subject that you're attending now?

- | | |
|---------------------------------------|--|
| <input type="radio"/> Bahasa Malaysia | <input type="radio"/> Kimia |
| <input type="radio"/> English | <input type="radio"/> Chemistry |
| <input type="radio"/> Sejarah | <input type="radio"/> Fizik |
| <input type="radio"/> Sains | <input type="radio"/> Physics |
| <input type="radio"/> Science | <input type="radio"/> Matematik Tambahan |
| <input type="radio"/> Matematik | <input type="radio"/> Additional Maths |
| <input type="radio"/> Mathematics | <input type="radio"/> Perniagaan |
| <input type="radio"/> Biologi | <input type="radio"/> Prinsip Perakaunan |
| <input type="radio"/> Biology | <input type="radio"/> Ekonomi |

3. Pernahkah anda menonton mana-mana video BACfreeschool (sebelum ini dikenali sebagai EduNation)?

Have you ever watched any BACFreeschool's (previously known as EduNation) videos?

- | |
|-----------------------------------|
| <input type="radio"/> Ya
Yes |
| <input type="radio"/> Tidak
No |

4. Nilai kefahaman guru terhadap isi kandungan yang diajar bagi subjek ini.

Rate the teacher's understanding of this particular subject.

Sangat Rendah

Very Low

Rendah

Low

Sederhana

Intermediate

Tinggi

High

Sangat Tinggi

Very High

5. Nilai cara penyampaian guru bagi subjek ini.

Rate the teacher's delivery of the subject.

Sangat Tidak Menarik

Very Uninteresting

Tidak Menarik

Not Interesting

Sederhana

Intermediate

Menarik

Interesting

Sangat Menarik

Very Interesting

6. Nilai tahap kepuasan terhadap nota tambahan yang telah diberikan.

Rate your satisfaction level with the notes given.

Sangat

Tidak Berpuashati

Very Unsatisfied

Tidak Berpuashati

Not Satisfied

Sederhana

Intermediate

Berpuashati

Satisfied

Sangat Berpuashati

Very Satisfied

7. Nilai tahap kebergunaan isi kandungan seminar.

Rate the usefulness of the seminar's content to your SPM preparation.

Sangat Tidak Berguna

Not Very Useful

Tidak Berguna

Not Useful

Sederhana

Intermediate

Useful

Berguna

Sangat Useful

Very Useful

8. Bagi pendapat anda, 3 jam untuk satu sesi seminar adalah...

In your opinion, 3 hours per session is...

terlalu pendek.
too short.

bersesuaian.
just right.

terlalu panjang.
too long.

9. Adakah anda mempunyai sebarang maklum balas/komen bagi meningkatkan prestasi kami?

Do you have any additional comments, questions, or concerns you would like to share?